# Panduan Paypal:

# Masalah dan Penyelesaian

**Copyright © 2007 oleh RajaAdsense.com**

**Hakcipta Terpelihara**

Ebook ini diterbit dan diedarkan secara percuma.Anda dibenarkan untuk mengedar dan mencetakkannya kepada rakan rakan,ahli keluarga, pelanggan, prospek, dan sesiapa sahaja yang ingin mengetahui tentang Paypal dan masalah yang sering berlaku dengannya.Namun, anda dilarang untuk mengubah semua kandungan didalam ebook ini tanpa kebenaran dan pengetahuan pihak RajaAdsense.com dan PenulisEbook.com

**Paypal.com**

PayPal merupakan online payment terbesar didunia dengan lebih dari 100 juta orang yang mengunakannya samada untuk perniagaan atau persendirian.

Ia merupakan online payment yang percuma dan boleh disertai oleh sesiapa sahaja walaupun anda seorang yang bankrap atau tidak mempunyai kad kredit. Betapa mudahnya untuk membuka akaun Paypal ini.

Kita di Malaysia,kita dapat menerima wang melalui Paypal dan boleh mengeluarkan wang dengan mengunakan kad debit atau kad kredit kita. Kad Debit yang boleh digunakan saya akan terangkan pada bahagian soalan nanti.

Baiklah saya akan menceritakan satu persatu permasalahan mereka dengan PayPal di dalam ebook ini.



**Membuka Akaun Paypal**

**1. Bagaimana nak membuka akaun Paypal?**

Anda boleh membuka akaun Paypal di https://www.paypal.com/ .

**2.Berapakah yuran Paypal?**

Ia ada percuma.Namun setiap wang yang anda terima akan dipotong sebagai fee terhadap transaksi.

**3.Adakah saya dicaj untuk menghantar wang melalui Paypal?**

Tidak. Menghantar wang melalui Paypal tidak dikenakan sebarang yuran atau caj. Hanya wang yang diterima oleh penerima akan tolak sebagai fee/yuran bagi Paypal.

**4. Apakah syarat untuk buka akaun PayPal?**

Syaratnya,anda tinggal dalam Negara/mempunyai alamat di Negara yang dibenarkan untuk mengunakan PayPal. Malaysia termasuk didalam **senarai menerima** dan mengeluarkan wang dengan mengunakan kad debit atau kad kredit atau mengunakan bank US.

**5. Saya menerima wang dari kawan. Tapi saya tidak boleh menerima wang tersebut. Apa yang harus saya buat?**

Anda perlu mempunyai akaun Paypal yang verified untuk menerima wang tersebut.

**6.Bagaimana pula nak verified akaun Paypal saya?**

Anda perlu memasukan nombor kredit kad atau debit kad anda ke dalam akau tersebut. Anda boleh mengunakannya setelah berjaya memasukkan nombor tersebut. Akaun tersebut belum verified namun ia sudah boleh digunakan untuk menerima wang dengan Paypal. Anda mempunyai masa **30 hari** untuk verified akaun anda sebelum wang yang diterima akan dikembalikan kepada pembayar/pembeli.

**7.Adakah ia akan dicaj pada kad tersebut?**

Ya. Anda akan dicaj sebanyak **USD1.95**. Namun,ia **akan dipulangkan kembali** setelah anda memasukkan 4 nombor pengesahan yang akan dihantar pada penyata kad kredit/ kad debit anda.

**8.Perlukah saya mempunyai akaun bank US?**

Tidak perlu. Jika ada lebih bagus kerana anda boleh memasukan terus ke dalam akaun tersebut. Ini adalah lebih selamat dan mudah dalam jangka masa yang panjang.

**9.Saya ada akaun Standard Chartered. Ia adalah bank US. Bolehkah ia digunakan?**

Tidak. Standard Chartered walaupun adalah bank dari US. Anda tidak boleh mengunakannya di PayPal. Ini adalah kerana polisi Bank Negara Malaysia yang menghalang pengaliran keluar wang tanpa kawalan. Ia dibawah pengurusan yang berlainan.

**10. Saya ada Debit Card. Tapi tak boleh masukkkan nombornya di Paypal. Kenapa?**

Hanya debit kad tertentu sahaja yang boleh digunakan. Pastikan terlebih dahulu dengan Bank tersebut samada ia boleh digunakan bagi transaksi online atau tidak.

**11. Kad Debit bank mana yang boleh untuk transaksi online?**

Kini hanya 3 bank sahaja yang boleh untuk transaksi online iaitu **Public Bank, Aliance Bank dan Ambank**. Debit kad dari selain bank ini tidak boleh digunakan secara online.

**12. Bagaimana pula Kad Kredit?**

Kebanyakan Kad Kredit boleh digunakan untuk transaksi online. Jadi tiada masalah buat mereka yang mempunyai kad kredit. Jika anda tidak mampu/ tidak layak memiliki kad kredit, kad debit sudah memadai.

Ini adalah antara persoalan yang sering ditanya bagi membuka akaun Paypal. Seterusnya persoalan bagaimana menguruskan akaun Paypal.

## Menguruskan akaun Paypal

1. Bagimana nak membuat butang beli?

Login akaun Paypal anda dan klik **Merchant Tools**.




Kemudian, klik Buy Now Buttons.




Masukkan semua maklumat barangan anda & tukar butang kalo mahu..



Jika anda ingin mengautomasikan dengan terus ke laman download. Anda boleh menambah di bahagian **Add More Options**.




Kemudian masukkan link download anda di successful payment dan tekan Create button now. Pada bahagian cancel payment anda boleh biarkan kosong atau masukkan url laman utama laman web anda.




Anda **Copy Kod** yang diberikan pada anda dan masukkkan ke laman web anda. Jadi setelah pembeli anda membayar, mereka akan dibawa terus ke laman download produk anda.

**2. Saya menerima duit. Kemudian ada orang dispute transaksi tersebut.**

Saya pernah mengalami 4 kali insiden ini. Apa yang harus anda buat ialah masuk link tentang kes tersebut. Klik butang **Resolve**. Anda akan diminta untuk memberi maklumat tentang barangan atau anda telah pun Refund pembeli tersebut. Anda boleh menyatakan dengan terang polisi yang anda gunakan. Samada 30 money back guarantee atau sebagainya. Nyatakan dengan terang dan bertulis.

Kesilapan yang saya lakukan dahulu ialah tidak mengunakan kemudahan Refund Paypal. Ini menyebabkan pembeli tersebut mengambil kesempatan untuk menanguk di air yang keruh dengan dispute walaupun saya telah Refund tapi tidak mengunakan kemudahan Refund Paypal.

Kebiasaannya kes dispute akan dimenangi oleh pembeli jika anda anda tidak bersedia dengan bukti bukti kukuh.

Perkara penting ialah anda menyimpan semua transaksi seperti email terdahulu dan rekod yang berkenaan. Pastikan TOS anda disediakan dalam english jika boleh. Kebiasaannya penjual akan kalah dan pembeli tersebut akan mendapat kembali wang mereka. Jadi anda mesti bersedia kerana ia adalah antara risiko yang akan anda hadapi dengan Paypal. Anda juga akan dikenakan caj bagi kes tersebut. Kebiasaannya ia diantara USD10 hingga USD20 dan lebih tinggi jika barang tersebut bernilai tinggi.

**3. Akaun Paypal saya telah diceroboh. Apa yang perlu saya lakukan?**

Bertenang. Laporkan tentang perkara ini kepada PayPal. Mereka akan siasat dan mengembalikan wang tersebut kepada anda. Paypal melindungi hak anda sebagai pembeli atau pengguna Paypal.

**4. Bagaimana saya ingin mengeluarkan wang dari Paypal?. Saya perlukan wang untuk dijadikan modal pusingan..**

Kini terdapat beberapa cara jika anda ingin mengeluarkan wang di Paypal anda. Anda boleh membuka akaun di Singapura atau membuka akaun Bank US atau mengunakan kad debit atau menjual kepada mereka yang berminat untuk membelinya. Anda juga boleh lelong fund tersebut di Lelong ( cara ini sebenarnya melanggar TOS Paypal). ☺:P

***Update:*** Kini Rakyat Malaysia boleh m**engeluarkan wang dari paypal ke Debit kad atau Kad Kredit mereka**. Jadi anda boleh gunakan di ATM pilihan anda yang mempunyai logo Visa dan Mastercard.

**5. Akaun saya ditutup. Apa harus saya buat?**

Ia berlaku jika anda melanggar TOS mereka atau menerima terlalu banyak wang dalam satu satu masa. Paypal akan suspend/gantung akaun yang disyaki. Anda boleh menghubungi mereka jika ia berlaku kepada anda. Berikan kerjasama sepenuhnya kepada mereka. Mungkin mereka akan membuka semula akaun anda jika anda betul² tidak bersalah. Ini akan menyebabkan anda terpaksa membuat panggilan jauh ke US bagi membuat rayuan ini.

Ini adalah antara persoalan yang sering ditanya tentang Paypal. Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini bagi menerangkan kepada mereka yang sering tertanya tanya tentang Paypal. Ebook ini akan diupdate dari masa ke semasa. Jadi jangan lupa untuk mengikuti perkembangannya di Blog saya di http://www.rajaadsense.com/blog/

Lagi Maklumat Tentang Paypal:

http://rajaadsense.com/blog/2007/10/01/saya-takde-kad-kredit-la.html

http://rajaadsense.com/blog/2007/10/02/kena-caj-oleh-paypal.html

**Profail Penulis.**



Penulis merupakan seorang usahawan internet sepenuh masa. Beliau merupakan penulis kepada ebook Panduan Raja Adsense iaitu panduan menbuat wang dengan Google Adsense dan Rahsia Penulis Ebook yang boleh didapati di http://www.penulisebook.com .

Beliau juga merupakan Pengurus kepada syarikat beliau iaitu **G World Enterprise** yang hanya diuruskannya dari rumah beliau. Beliau kini berusia 24 tahun merupakan salah seorang usahawan muda dalam bidang perniagaan internet yang semakin meningkat naik.

Antara laman web beliau adalah :

Panduan Google Adsense
http://www.RajaAdsense.com

Panduan untuk menjadi peniaga dan penulis Ebook
http://www.PenulisEbook.com

Panduan Takaful
http://www.RahsiaTakaful.com






Rahsia Penulis Ebook yang berjaya. Ia adalah berdasarkan pengalaman penulis sendiri dalam perniagaan ebook sejak tahun 2006.

Klik Sini untuk dapatkannya.

Laman Web:
http://www.PenulisEbook.com




Panduan Google Adsense yang pertama dalam Bahasa Malaysia. Ia merupakan panduan khas untuk mereka yang tiada asas dengan Google Adsense. Kini ia turut disertakan dengan Video Tutorial bagi meningkatkan lagi kefahaman pembeli.

Klik Sini untuk dapatkannya.

Laman Web:
http://www.RajaAdsense.com